



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 3

10hb Februari 2012

*TAMBAHAN No. 16
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 41.

**AKTA LEMBAGA KOKO MALAYSIA
(PEMERBADANAN) 1988**

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pelesenan
4. Pendaftaran
5. Kad penggred
6. Permohonan bagi lesen
7. Butir lanjut dan temuduga
8. Pemberian kelulusan bagi permohonan lesen
9. Tempoh sah lesen

Peraturan

10. Pematuhan syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen
11. Pematuhan undang-undang lain
12. Permohonan bagi membaharui lesen
13. Penyerahhakan lesen
14. Salinan lesen yang diperakui sah
15. Pempameran lesen dan slip pembaharuan lesen
16. Pembatalan atau penggantungan lesen
17. Penarikan balik lesen
18. Kebenaran untuk memasuki premis berlesen
19. Kebenaran untuk mengambil sampel
20. Penggredan biji koko kering atau keluaran separa siap untuk dibeli, dsb.
21. Larangan terhadap mengeksport dan mengimport bahan tanaman koko
22. Pengisytiharan pemindahan koko
23. Fi
24. Borang
25. Pembatalan
26. Peruntukan kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA LEMBAGA KOKO MALAYSIA (Pemerbadanan) 1988

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 [Akta 343], Menteri setelah berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Koko Malaysia 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Februari 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“agensi penggredan koko” ertinya mana-mana badan, firma, syarikat atau badan berkanun yang berdaftar dengan Lembaga untuk menggred biji koko atau keluaran koko dan mengeluarkan suatu sijil penggredan bagi maksud mengeksport atau mengimport;

“biji koko basah” ertinya biji koko segar yang diperoleh setelah buah koko dibelah;

“biji koko kering” ertinya biji koko yang telah melalui proses pengeringan;

“fermentasi” ertinya suatu proses apabila biji koko basah melalui perubahan biokimia yang menukar bentuk fizikal dan kandungan kokonya;

“gred” ertinya penentuan gred bagi biji koko mengikut penentuan standard yang diisytiharkan menurut Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549];

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 3;

“keluaran separa siap” ertinya likuor koko, mentega koko, koko berbuku dan serbuk koko;

“membeli” termasuklah untuk memperoleh bagi suatu balasan selain wang;

“memproses biji koko basah” ertinya apa-apa pelaksanaan bagi satu atau lebih aktiviti yang berkaitan dengan fermentasi, pengeringan, pembersihan dan penyisihan;

“pedagang keluaran separa siap” ertinya seseorang yang memegang suatu lesen yang sah untuk menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2);

“pedagang koko” ertinya seseorang yang memegang suatu lesen yang sah untuk menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam subperaturan 3(1);

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 23A Akta;

“penggred” ertinya mana-mana orang termasuklah suatu agensi penggredan koko, berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu kad penggred yang dikeluarkan oleh Lembaga;

“penggredan” ertinya aktiviti menentukan gred biji koko, keluaran koko atau bahan tanaman koko;

“pengisar koko” ertinya seseorang yang memegang suatu lesen yang sah untuk menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam subperaturan 3(3);

“peniaga biji koko basah” ertinya mana-mana orang yang membeli dan memproses biji koko basah menjadi biji koko kering;

“premis berlesen” merujuk kepada premis yang disebut dalam lesen; dan

“pendaftaran” ertinya suatu pendaftaran apa-apa aktiviti di bawah peraturan 4.

Pelesenan

3. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) membeli, menjual, memindah dan menyimpan bahan tanaman koko;
- (b) membeli atau memproses biji koko basah;
- (c) membeli, menjual, mengimport atau mengeksport biji koko kering; atau
- (d) menjalankan gabungan mana-mana atau semua aktiviti di bawah perenggan (a), (b) dan (c),

hendaklah memohon untuk suatu lesen yang sah sebagai seorang pedagang koko dengan Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang membeli, menjual, memindah, menyimpan, mengimport atau mengeksport keluaran separa siap hendaklah memohon suatu lesen yang sah sebagai seorang pedagang keluaran separa siap dengan Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang mengisar biji koko kering yang dibeli atau diimport kepada keluaran separa siap untuk tujuan jualan atau eksport hendaklah memohon untuk suatu lesen yang sah sebagai seorang pengisar koko dengan Lembaga.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pendaftaran

4. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) memiliki kurang daripada enam hektar ladang koko dan memproses biji koko basah, hendaklah mendaftar dengan Lembaga sebagai seorang pekebun kecil; atau
- (b) membekalkan bahan tanaman koko percuma, hendaklah mendaftar dengan Lembaga sebagai seorang pembekal bahan tanaman koko.

(2) Tertakluk kepada peraturan 5, mana-mana orang yang memeriksa dan menggreg biji koko kering dan mengeluarkan perakuan penggredan untuk tujuan import atau eksport hendaklah mendaftar dengan Lembaga sebagai penggred.

(3) Mana-mana pendaftaran yang dibuat di bawah subperaturan (1) atau (2) hendaklah dibuat dalam Borang 2 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kad penggred

5. Bagi maksud subperaturan 4(2), tiap-tiap penggred hendaklah mempunyai suatu kad penggred yang dikeluarkan oleh Lembaga dalam apa-apa cara dan bentuk sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

Permohonan bagi lesen

6. Suatu permohonan bagi lesen di bawah peraturan 3 hendaklah dibuat dalam Borang 1 sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Butir lanjut dan temuduga

7. (1) Apabila menerima suatu permohonan bagi suatu lesen, Lembaga boleh, jika ia menghendaki selanjutnya butir, maklumat atau dokumen lain untuk membolehkan Lembaga menimbangkan permohonan itu dengan adil, menghendaki pemohon itu memberi butir, maklumat atau dokumen itu atau hadir di hadapan Lembaga atau mana-mana jawatankuasa atau pegawainya untuk ditemuduga.

(2) Dalam keadaan kehadiran pemohon adalah dikehendaki oleh Lembaga, pemohon itu boleh hadir dengan sendiri atau melalui seseorang yang diberi kuasa secara bertulis untuk hadir bagi pihak pemohon itu.

Pemberian kelulusan bagi permohonan lesen

8. (1) Setelah kelulusan suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan 6, Lembaga hendaklah menyebabkan suatu notis dihantar kepada pemohon memaklumkan mengenai kelulusan itu, dan syarat dan sekatan yang Lembaga telah putuskan untuk dikenakan ke atas lesen itu berserta dengan keperluan untuk mengemukakan bayaran fi bagi lesen itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Setelah fi di bawah subperaturan (1) diterima, Lembaga hendaklah mengeluarkan kepada pemegang lesen, lesen yang sepatutnya, tertakluk kepada syarat dan sekatan yang boleh dikenakan oleh Lembaga.

(3) Lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah subperaturan (2) hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga.

Tempoh sah lesen

9. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui adalah sah bagi tempoh satu tahun atau suatu tempoh yang lebih lama tetapi tidak melebihi lima tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari tarikh lesen itu dikeluarkan atau diperbaharui.

Pematuhan syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen

10. (1) Tiada seseorang pun boleh melanggar syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab mengubah, menambah, memotong atau selainnya meminda syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pematuhan undang-undang lain

11. Pelesenan seseorang pemohon oleh Lembaga tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu pengiktirafan oleh Lembaga bahawa pemohon itu telah mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai aktiviti yang pemohon bercadang hendak melibatkan diri di dalamnya menurut lesen itu atau sebagai mengecualikannya daripada mematuhi kehendak itu.

Permohonan bagi membaharui lesen

12. Peraturan 6 hingga 8 hendaklah juga terpakai bagi sesuatu permohonan bagi membaharui lesen dan permohonan itu hendaklah dibuat tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

Penyerahhakan lesen

13. (1) Tiada lesen boleh diserahkan hak oleh seorang pemegang lesen melainkan jika kelulusan bertulis daripada Lembaga diperoleh terlebih dahulu.

(2) Seorang pemegang lesen boleh memohon untuk menyerahhak lesennya dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada Lembaga.

(3) Lembaga boleh atas permohonan di bawah subperaturan (2), meluluskan penyerahhakan itu tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga dengan mengendorskan pada lesen, atau menolak untuk meluluskan penyerahhakan itu.

Salinan lesen yang diperakui sah

14. (1) Pemegang lesen boleh memohon secara bertulis kepada Lembaga bagi suatu salinan lesen yang diperakui sah.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan yang menyatakan sebab-sebab bagi permohonan itu.

(3) Lembaga boleh mengeluarkan salinan lesen yang diperakui sah kepada pemohon jika Lembaga berpuas hati bahawa salinan lesen yang diperakui sah itu dikehendaki atas alasan yang sah.

Pempameran lesen dan slip pembaharuan lesen

15. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen dan slip pembaharuan lesen di tempat yang mudah dilihat di premis-premis yang berlesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pembatalan atau penggantungan lesen

16. (1) Jika Lembaga berpendapat bahawa mana-mana pemegang lesen telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas lesen itu, Lembaga boleh meminta pemegang lesen itu untuk menunjukkan sebab mengapa lesennya tidak patut dibatalkan.

(2) Jika pemegang lesen gagal untuk menunjukkan sebab sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (1), Lembaga boleh mengambil tindakan dengan menggantung lesen itu untuk tempoh tidak melebihi enam bulan.

(3) Lembaga boleh melanjutkan tempoh penggantungan yang diberi kepada pemegang lesen itu di bawah subperaturan (2) bagi pemegang lesen mengambil tindakan pembetulan dan untuk mematuhi syarat lesen itu dan keseluruhan tempoh penggantungan itu hendaklah tidak melebihi dua belas bulan.

(4) Jika pemegang lesen gagal mengambil tindakan pembetulan di bawah subperaturan (3), Lembaga boleh membatalkan lesen selepas tempoh penggantungan itu tamat.

Penarikan balik lesen

17. Suatu lesen hendaklah ditarik balik jika—

- (a) pemegang lesen itu tidak sempurna akal;
- (b) pemegang lesen itu telah diisytiharkan mufliis;
- (c) pemegang lesen itu meninggal dunia;
- (d) pemegang lesen itu telah disabitkan di atas mana-mana kesalahan jenayah yang berkaitan dengan fraud atau kecurangan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (e) dalam hal suatu syarikat, pemegang lesen itu telah digulungkan;
- (f) dalam hal suatu perkongsian, pemegang lesen itu telah dibubarkan; atau
- (g) lesen itu dormant, tanpa melakukan sebarang aktiviti atau transaksi sepanjang tempoh sah lesen itu yang dikeluarkan oleh Lembaga.

Kebenaran untuk memasuki premis berlesen

18. (1) Pemegang lesen hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa, membenarkan pegawai yang diberi kuasa itu memasuki premis dan hendaklah, jika dikehendaki, menunjukkan lesen dan apa-apa dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai yang diberi kuasa.

(2) Pegawai yang diberi kuasa boleh membuat salinan dokumen atau meminta salinan sah yang diperakui dihantar kepadanya dalam masa tujuh hari dari tarikh pemeriksaan.

(3) Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Lembaga setelah pemeriksaan ke atas premis dibuat.

Kebenaran untuk mengambil sampel

19. Pemegang lesen hendaklah, apabila diminta oleh pegawai yang diberi kuasa, membenarkan pegawai yang diberi kuasa mengambil sejumlah yang munasabah bahan tanaman koko, biji koko atau keluaran koko, sebagai sampel bagi tujuan penentuan kualiti dan pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah mengaku terima penerimaan bahan tanaman koko, biji koko atau keluaran koko, secara bertulis.

Penggredan biji koko kering atau keluaran separa siap untuk dibeli, dsb.

20. (1) Tiada biji koko kering atau keluaran separa siap boleh dibeli, dijual, dieksport atau diimport melainkan jika ia telah digred mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Larangan terhadap mengeksport dan mengimport bahan tanaman koko

21. (1) Bahan tanaman koko tidak boleh dieksport atau diimport tanpa kebenaran Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengisytiharan pemindahan koko

22. Setiap pemindahan koko hendaklah diisytiharkan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Fi

23. (1) Fi yang perlu dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Fi hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

(3) Fi yang dikutip oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

Borang

24. (1) Borang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua hendaklah digunakan masing-masing bagi maksud yang disebut dalam borang itu.

(2) Kandungan borang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Pembatalan

25. Peraturan-Peraturan Lembaga Koko Malaysia (Pelesenan dan Penggredan) 1991 [P.U. (A) 198/1991] dibatalkan ("Peraturan-Peraturan yang dibatalkan").

Peruntukan kecualian dan peralihan

26. (1) Semua arahan dan perintah yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa, disifatkan sebagai dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga tamat tempoh lesen atau perakuan itu.

(3) Semua permohonan atau kelulusan yang belum diputuskan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa, diuruskan oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan ini seolah-olah permohonan atau kelulusan itu dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Apa-apa rayuan berkenaan suatu keputusan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan, hendaklah diteruskan di hadapan Lembaga seolah-olah prosiding itu adalah berkenaan dengan keputusan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Sementara menunggu penentuan permohonan di bawah subperaturan (3), pemohon permohonan itu boleh terus menjalankan aktivitinya.

(6) Mana-mana orang yang menjalankan mana-mana aktiviti yang disebut dalam peraturan 3 dan 4 sebelum mula berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini, hendaklah dikehendaki masing-masing untuk memohon lesen atau untuk mendaftar dengan Lembaga dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa.

JADUAL PERTAMA

FI
(Peraturan 23)

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Fi (RM)</i>
1.	Lesen bagi pedagang koko	100.00/setahun
2.	Lesen bagi pedagang keluaran separa siap	1,000.00/setahun
3.	Lesen bagi pengisar koko	1,000.00/setahun

JADUAL KEDUA

BORANG
(Peraturan 24)

<i>No.</i>	<i>Peraturan</i>	<i>Borang</i>	<i>Tajuk</i>
1.	Peraturan 6 dan 12	Borang 1	Permohonan/Pembaharuan lesen
2.	Peraturan 4	Borang 2	Pendaftaran

Dibuat 31 Januari 2012
[KPPK(S)440(14)16/1; PN(PU²)469/II]

TAN SRI BERNARD GILUK DOMPOK
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi